

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 6 OGOS 2018 (SELASA)

SOALAN : 50

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian pelan pembesaran Swettenham Pier termasuk bagaimanakah ia bakal melibatkan penggunaan tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang di lokasi tersebut. Perincian juga jumlah pelaburan Prasarana Malaysia Bhd. (Prasarana) dalam memantapkan perkhidmatan feri Pulau Pinang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) telah siap sepenuhnya pada tahun 2009. Terminal sedia ada ini berkeluasan 1,500 meter persegi dan dapat menampung kemasukan kapal yang boleh memuatkan penumpang seramai 2,000 orang pada sesuatu masa.

SPCT terletak di atas 2 lot tanah iaitu kawasan darat seluas 13,333.83 meter persegi (Lot 4) dan kawasan dasar laut seluas 12,310.54 meter persegi (Lot bersebelahan Lot 4).

Pada masa kini, infrastruktur dermaga SPCT terdiri daripada: -

- (i) Sebuah dermaga berbentuk T berukuran 400 meter panjang; dengan “mooring dolphin” yang berukuran 77 meter di kedua-dua arah (utara dan selatan). Dermaga ini direka bagi menampung kapal pelayaran kelas Gemini yang berukuran (“LOA”) 180 meter dan kapal kelas Libra yang berukuran (“LOA”) 300 meter di dermaga luar. Manakala di dermaga dalam utara dan selatan, ianya dapat menampung kapal pelayaran yang berukuran LOA 200 meter dan 180 meter.
- (ii) Dermaga tersebut dilengkapi dengan *bollard* yang berkapasiti 100 tan dan sistem *fendering* generasi ke-3 dengan kapasiti maksimum 110,000 tan.

Dengan spesifikasi sedia ada, dermaga dapat mengendalikan kapal berdaftar kasar (“GRT”) lebih daripada 100,000 tanan.

Rancangan pembangunan dan pembesaran SPCT akan melibatkan isu pemberimilikan tanah oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang masih lagi tertangguh iaitu sebahagian Lot 4 dan Lot bersempadan Lot 4. Tempoh hakmilik tanah Lot 4 adalah dari 1 Januari 1966 dan telah berakhir pada 1 Januari 2013, sementara tanah bersempadan Lot 4 adalah tanah baru. Selain itu, cadangan pembangunan dan pembesaran SPCT tersebut hanya dapat dilaksanakan jika semua tanah-tanah yang berkaitan diberikan hak milik tanah oleh pihak berkuasa Kerajaan Negeri kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP).

Tertakluk kepada penyelesaian terhadap isu pemberimilikan tanah tersebut, SPPP akan menawarkan Pengurusan dan Pembangunan SPCT kepada syarikat-syarikat yang berwibawa bagi mengurus dan membangunkan SPCT secara penswastaan dengan pajakan selama 30 tahun. Proses ini akan melibatkan Kementerian dan Agensi berkaitan seperti Kementerian Pengangkutan dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

Secara prinsipnya, SPCT akan melalui pelan pembesaran dan pembangunan yang melibatkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Penambahan Kapasiti Kendalian
 - (a) Pakej 1: Pembesaran Dermaga; dan
 - (b) Pakej 2: Menaik Taraf Bangunan Terminal

- (ii) Pemasangan Pontoon Di SPCT (Untuk Kapal dan Feri)

Kerajaan pada 27 September 2017 secara prinsipnya telah bersetuju untuk syarikat Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) mengambil alih perkhidmatan feri Pulau Pinang dari Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB).

Syarikat Rapid Ferry Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Prasarana yang mengendalikan perkhidmatan feri Pulau Pinang akan memperuntukkan sebanyak RM90 juta dalam pelan pembangunan bagi tempoh 5 tahun bagi tujuan memantapkan perkhidmatan feri. Peruntukan RM 90 juta tersebut meliputi perkara-perkara seperti mengecat semula feri-feri sedia ada, pembelian 4 buah feri peumpang berkapasiti 150 penumpang, menyediakan kemudahan pejalan kaki dan ruang menunggu yang selesa, meningkatkan keselamatan kedua-dua terminal feri di Pangkalan Raja Tun Uda dan Pangkalan Sultan Abdul Halim, menggantikan sistem automasi kutipan tol dan lain-lain. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pelan pembangunan tersebut adalah tertakluk kepada perolehan dana daripada Kerajaan dan keputusan Kerajaan semasa untuk mempertimbangkan cadangan tersebut.